

# Jabatan Perhutanan rugi RM1j

## Akibat aktiviti bawa keluar kayu balak tanpa lesen

Oleh Mohd Rafi Mamat  
bhnews@bharian.com.my

**T**EMERLOH: Jabatan Perhutanan Pahang kerugian lebih RM1 juta tahun lalu berikutan aktiviti membawa keluar kayu balak tanpa lesen oleh pihak tidak bertanggungjawab yang mahu mengaut keuntungan sehingga boleh menjejaskan alam semula jadi negeri ini.

Berikutan aktiviti haram berkenaan maka pendapatan kerajaan negeri daripada cukai kayu balak termasuk lesen pembalakan juga menurun kepada RM70 juta bagi tempoh yang sama.

Pengarah Jabatan Perhutanan negeri, Datuk Paiz Kamaruzaman, menegaskan bahawa aktiviti membawa keluar kayu balak tanpa lesen membabitkan kayu bulat, termasuk bergergaji yang didalangi sindiket dan individu tertentu di beberapa daerah di negeri ini.

Sehubungan itu, katanya, Bahagian Penguat Kuasa negeri dan daerah jabatan itu akan terus meningkatkan pemantauan termasuk pemeriksaan udara menggunakan helikopter bagi membendung aktiviti membawa keluar hasil hutan tanpa lesen.

"Kita juga memperhebatkan intipan dan rondaan serta meningkatkan kerjasama dengan masyarakat setempat



PELAJAR sekolah dibantu kakitangan Jabatan Perhutanan Pahang menanam pokok pada Majlis Pelancaran Kempen Menanam 26 juta pokok peringkat negeri di ladang hutan Kemasul, Temerloh.

termasuk Orang Asli bagi mengesan kegiatan haram berkenaan," katanya ditemui pada majlis pelancaran Kempen Menanam 26 juta Pokok peringkat negeri di Ladang Hutan Kemasul, dekat sini, kelmarin

Paiz berkata, pihaknya juga mengenal pasti taktik baru mereka yang mahu membawa keluar kayu balak secara haram dengan memindahkan kayu bergergaji membabitkan kayu mahal seperti cengal,

keruing, balau dan meranti.

"Mereka melakukan aktiviti berkenaan dalam hutan sebelum membawa keluar. Saya sudah mengarahkan kepada semua anggota penguat kuasa supaya lebih peka dengan terus memantau kegiatan menghasilkan kayu bergergaji.

"Kegiatan berkenaan kini dianggap musuh utama kepada kita terutama apabila ia dilakukan sindiket tertentu di beberapa daerah dan kita yakin ia turut mendapat

bantuan penduduk setempat Orang Asli," katanya.

Paiz juga berkata, Pahang mempunyai kawasan hutan seluas dua juta hektar dan 1.5 juta hektar daripada jumlah kawasan berkenaan adalah hutan simpan kekal yang wartakan mengikut Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993).

"Seluas 0.9 juta hektar di negeri ini dijadikan hutan perlindungan yang dikekalkan bagi menjamin kestabilan

**“**Mereka melakukan aktiviti berkenaan dalam hutan sebelum membawa keluar. Saya sudah mengarahkan kepada semua anggota penguat kuasa supaya lebih peka dengan terus memantau kegiatan menghasilkan kayu bergergaji”

**Paiz Kamaruzaman**  
Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri

alam sekitar selain sebagai kawasan tadahan air," katanya.

Beliau berkata, pihaknya memperoleh kira-kira RM200,000 daripada denda yang dikenakan kepada syarikat dan individu yang melakukan pelbagai kesalahan hutan, sepanjang tahun lalu.

Selain itu, beliau berkata, sebanyak 1.5 juta pokok akan ditanam di beberapa kawasan hutan di daerah ini sejajar dengan kempen berkenaan.

"Apa yang diharapkan, usaha menanam pokok ini akan menjadi pengganti kepada pembukaan kawasan hutan yang dilakukan mengikut syarat ditetapkan kerajaan," katanya.